



مجلس بندرياء شاه عالم
MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

selangorku

Talian Bebas Tol : 1800 88 4477
Tel : 03-5510 5133
Faks : 03-5510 8010
Portal Rasmi : www.mbsa.gov.my
E-mel : mbsa@mbsa.gov.my

**"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"
"PRODUKTIVITI TINGGI AMALAN KITA"**

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : MBSA/JPSPA/OKB/600-2
Tarikh : 21 Mei 2019
16 Ramadhan 1440H

Ketua Pegawai Eksekutif
Xused Worldwide Solutions Sdn Bhd
Unit 03-02 Tower 3 UOA Business Park
No.1 Jalan Pengaturcara U1/51A
Seksyen U1,
40150 Shah Alam, **SELANGOR**

Tuan,

**KERJASAMA BAGI PROGRAM KEMPEN KITAR SEMULA PERINGKAT SEKOLAH
TAHUN 2019 UNTUK MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM**

Dengan segala hormatnya surat tuan bernombor rujukan XU/2019/03/12/PBT berkaitan perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa pihak Majlis telah meneliti permohonan dari pihak tuan untuk bekerjasama dengan pihak Majlis dalam melaksanakan program kitar semula peringkat sekolah bagi tahun 2019 didalam kawasan pentadbiran Majlis.

3. Sehubungan itu, pihak Majlis bersetuju untuk bekerjasama dengan syarikat tuan didalam melaksanakan program kitar semula dikawasan Shah Alam memandangkan syarikat tuan merupakan syarikat yang dilantik oleh pihak KPKT bagi program kitar semula diperingkat kebangsaan pada tahun ini. Kerjasama ini dilaksanakan bagi memudahkan pihak Majlis untuk membuat pelarasan kerja kutipan bahan kitar semula bersama pihak sekolah yang terlibat.

3. Oleh yang demikian, pihak tuan perlu melaporkan maklumat kutipan kitar semula sekolah secara bulanan kepada pihak Majlis. Selain itu, pihak tuan juga perlu memaklumkan kepada pihak Majlis berkaitan program-program yang dijadualkan akan dilaksanakan dengan pihak sekolah.

Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan terus kepada Puan Rohaizat Mohd Noordin, Pegawai Kawalan Alam Sekitar di talian 03-55105133 sambungan 1316.

Kerjasama dan keprihatinan pihak tuan didalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian untuk makluman dan tindakan pihak tuan selanjutnya.

**"MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

"Khidmat Terbaik"

Saya yang menjalankan amanah,

.....
Ts. MOHD AZMI BIN AMER KHAN
Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam
b.p Datuk Bandar
MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM